

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai Ringgit Malaysia (RM) yang telah ditukar daripada mata wang asing sejak langkah Bank Negara memaksa pengeksport menukar 75% daripada hasil perolehan eksport mata wang asing kepada RM dilaksanakan. Adakah saranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kadarnya dikurangkan kepada 25% daripada hasil perolehan eksport akan dipertimbangkan. Jika ya, bila. Jika tidak, kenapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peraturan baharu yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan salah satu langkah untuk memperluas dan

memperdalamkan pasaran kewangan Malaysia. Langkah ini perlu bagi membetulkan ketidakseimbangan dalam pembelian dan penjualan ringgit kerana jika ia dibiarkan akan mengakibatkan kesan negatif yang lebih luas kepada keseluruhan ekonomi.

2. Sejak peraturan ini diperkenalkan, sejumlah USD37 bilion transaksi pertukaran wang asing berkaitan eksport dan import barangan telah direkod bagi tempoh Januari hingga 15 Februari 2017.

3. Data BNM menunjukkan penukaran hasil bersih eksport kepada ringgit juga telah meningkat sebanyak USD372.9 juta pada bulan Disember 2016 dan USD741.3 juta pada bulan Januari 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Peraturan ini juga membenarkan pengeksport untuk menukar kembali hasil perolehan eksport kepada mata wang asing bagi memenuhi obligasi pembayaran import dan mata wang asing sehingga 6 bulan. Kelonggaran ini merupakan tambahan kepada had 25% yang diberi kepada pengeksport untuk menyimpan perolehan eksport dalam mata wang asing. Kelonggaran ini cukup akomodatif untuk membolehkan pengeksport memenuhi obligasi mata wang

asing.

5. Pasaran ringgit akan menjadi lebih stabil dengan pengimbangan semula yang berterusan antara permintaan dengan penawaran terhadap ringgit.